

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu

Tarikh: 14/6/2012

Hari: Khamis M/S: 4

Ruangan: VARI

Ijazah pengurusan industri kreatif UUM

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok akan memperkenalkan program baru, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia bermula September ini.

Program itu akan memberi penekanan terhadap beberapa pengkhususan iaitu perfileman, pengurusan muzik, pengurusan produksi animasi dan pengurusan produksi media interaktif.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata UUM mendapati ada kekurangan tenaga mahir yang mengkhusus secara langsung dalam bidang berkenaan dan keperluan itu boleh diisi oleh UUM melalui kepakarannya dalam pengurusan.

Katanya, UUM mengambil tanggungjawab untuk mengisi ruang yang ada dengan melahirkan graduan dalam bidang pengurusan industri kreatif untuk ditawarkan dalam pasaran kerja.

Beliau berkata, ketika ini terlalu banyak saluran media elektronik, termasuk stesen televisyen dan radio serta kemunculan media baru dalam industri kreatif negara.

"Ini memerlukan individu yang cekap dan berkemahiran untuk mengurus pelbagai aspek pengurusan dalam bidang ini termasuk aspek kewangan, sumber manusia dan pemasaran.

"Kita juga sedia maklum bahawa kemunculan media baru seperti Youtube melahirkan ramai bakat kreatif yang kini semakin diterima masyarakat kerana kebolehan mereka.

"Terdapat keperluan untuk mengisi ruang yang ada dalam industri kreatif yang berkembang pesat kini," katanya dalam majlis pelancaran Pusat Pengajian Teknologi Multimedia UUM di sini, baru-baru ini.

Mohamed Mustafa berkata, melalui program itu pelajar akan dapat menilai, menghargai perkembangan teknologi baru negara dan boleh mengurus sumber dengan berkesan.

Katanya, program ijazah sarjana muda itu akan memberi manfaat kepada industri kreatif negara dan bakal pelajar program itu nanti mesti menggunakan sepenuhnya peluang untuk memajukan industri terbabit.